

# Rancangan Kelantan laksana hukum hudud

B.H. 17 APR 1992

## Pusat tidak halang

Oleh Karim Sulaiman dan Jamhariah Jaafar

JOHOR BAHRU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan Pusat tidak akan menghalang rancangan Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum hudud.

Katanya, jika kerajaan pimpinan Pas yakin rancangan itu sejajar dengan dasar Islam yang didakwa menjadi teras pentadbirannya, ia bebas berbuat demikian.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan Kerajaan Pusat sedia meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum hudud.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kilang Titan Himont Polymers (M) Sdn Bhd, di Pasir Gudang petang ini, beliau berkata Kerajaan Pusat sedia berbuat demikian jika Kerajaan Kelantan benar-benar mahu melaksanakan hukum itu, termasuk ke atas bukan Islam.

"Kita akan meminda (Perlembagaan) jika ada perkara yang menghalang Kerajaan Kelantan daripada melaksanakan hukum itu," katanya.

Menurutnya, Kerajaan Pusat sebenarnya tidak berniat menghalang mereka melaksanakan hukum itu di Kelantan.

rajaan Kelantan menganggap ia melaksanakan hukum Islam, kita tidak akan melarang.

"Sebenarnya, Kerajaan Pas tidak bermaksud untuk melaksanakan hukum itu, sebaliknya mencari alasan menyalahkan Kerajaan Pusat dikuasai Umno, yang didakwa sebagai kurang Islam, dengan mengatakan kita menjadi pengacau kepada pelaksanaan hukum itu," katanya.

"Kalau mereka berpendapat bahawa dengan memotong tangan dan kepala baru cukup Islam, itu terserah kepada mereka, asal melaksanakannya setakat di Kelantan.

"Saya hendak tahu siapa ahli Pas yang hendak memotong tangan orang, kerana bukan mudah hendak melakukannya. Hendak upahpun, orang tak nak buat.

"Barangkali Nik Aziz (Nik Mat) akan melakukannya. Jika benar, kita hendak tengok apa yang berlaku selepas hukum itu dilaksanakan nanti," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai sebab tertentu tidak melaksanakan hukum itu di negara ini, tetapi ia tidak bermakna kerajaan tidak melindungi hukum Islam.

"Kita tahu kebanyakan

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Kelantan mahu melaksanakan hukum itu, tetapi mendakwa Kerajaan Pusat menghalangnya.

"Mereka mahu melaksanakan hukum hudud, termasuk potong tangan, potong kepala, dan rejam sesiapa yang melakukan jenayah tertentu.

"Mereka buat kenyataan ini dengan membuat sindiran bahawa mereka ingin melaksanakan hukum hudud, yang jadi batu penghalang adalah Kerajaan Pusat. Ini disebabkan Kerajaan Pusat kononnya tidak begitu Islam," katanya.

Sebelum itu, berucap kepada kira-kira 500 ahli jawatankuasa Umno bahagian dari seluruh Johor dalam satu pertemuan di sini, Perdana Menteri berkata Kerajaan Pusat tidak akan menghalang langkah itu kerana yakin ia hanya gimik politik Kerajaan Pas bagi memancing undi.

"Ini adalah politik dia, cara untuk memancing undi sokongan. Kalau Ke-

negara yang penduduk Islamnya lebih ramai daripada Malaysia tidak menjalankan hukum itu. Tentu ada sebabnya.

"Bagi Malaysia, kita mempunyai sebab dan keadaan tertentu tidak boleh melaksanakan hukum hudud, tetapi itu tidak bermakna kita tidak melindungi hukum Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan dan kedudukan Malaysia sebagai negara pelbagai kaum dan bangsa, tidak membolehkan kerajaan melaksanakan hukum hudud.

"Islam mempunyai banyak hukum dan bukan semua dapat dilaksanakan pada zaman sekarang, kerana dalam Islam terdapat banyak kelonggaran," katanya.

Ahad lalu, Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kerajaannya tetap melaksanakan hukum hudud dan akan mengemukakan kertas cadangan mengenai perkara itu kepada Kerajaan Pusat untuk dibincangkan bersama.